

BERITA HARIAN 9/7/18 ms 13

Wanita hadapi 73 tuduhan tuntutan palsu

Kota Bharu: Seorang pembantu tadbir kanan sebuah pusat pemulihan akhlak di Machang dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini semalam atas 73 pertuduhan membuat tuntutan palsu berjumlah RM94,651 dari 2013 hingga 2016.

Tertuduh, Ayu Adillah Mohamed Ariffin, 39, bagaimanapun mengaku tidak bersalah atas kesemua pertuduhan dibacakan terhadapnya di hadapan Hakim Zaman Mohd Noor.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya, Ahmad Adha Amir Yasser Amri, manakala tertuduh diwakili peguam, Zamri Mat Nawang.

Mengikut pertuduhan pertama hingga 73, tertuduh didakwa dengan sengaja memperdayakan Pengarah Politeknik Kota Bharu, Noor Azahan Othman, dengan membuat tuntutan palsu mengenai perubatan bapanya, Mohamed Ariffin Che Awang; suaminya, Noraman Mohamad Nordin; dan diri sendiri mem-

Fakta Nombor

RM94,651

tuntutan palsu dibuat pembantu tadbir pusat pemulihan akhlak dari 2013 hingga 2016

babitkan nilai RM94,651 antara 2013 hingga 2016.

Tertuduh yang ketika itu bertugas sebagai pembantu tadbir kewangan di politeknik berkenaan, didakwa membuat resit rawatan palsu daripada Kota Bharu Medical Centre (KBMC) bagi pembayaran rawatan dibuat oleh bapa, suami dan dirinya.

Terdahulu, Ahmad Adha Amir Yasser menawarkan jaminan sebanyak RM70,000 bagi semua pertuduhan dengan seorang pen-



Ayu Adillah dibawa ke Mahkamah Sesyen Kota Bharu, semalam.

[Foto Zaman Huri Isa/BH]

jamin, selain memohon dokumen perjalanan diserahkan.

Bagaimanapun, Zamri memohon jaminan minimum kerana tertuduh ada lima anak dengan yang paling kecil berusia 11 bulan.

Malah, beliau memaklumkan kepada mahkamah suami tertu-

duh difahamkan adalah penagih dadah.

Mahkamah kemudian membenarkan jaminan RM42,000 dengan seorang penjamin, dan menetapkan 21 Ogos depan sebagai tarikh pengurusan kes. Difahamkan, tertuduh tidak membayar jaminan berkenaan.